

02 DEC 1999

Ramli-Pembangkok

BN MAMPU TAWAN KEMBALI KERUSI PEMBANGKANG DI PERAK

IPOH, 2 Dis (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) mempunyai peluang cerah untuk menawan semula tiga kerusi Parlimen dan lapan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) yang dimenangi pembangkang di Perak dalam pilihan raya kali ini, kata Pengerusi BN Negeri Tan Sri Ramli Ngah Talib.

Beliau berkata ini kerana kemenangan pembangkang itu bersifat sementara memandangkan ramai pengundi yang memilih mereka sebenarnya berdasarkan emosi dan bukan kerana faedah yang ditawarkan.

"Apa yang kita kesalkan ialah ramai yang terpengaruh dengan dakwah pembangkang tanpa memikirkan apa yang mampu mereka buat... sepatutnya rakyat juga fikir tentang faedah yang boleh mereka dapati jika memilih BN," katanya kepada pemberita hari ini.

Ramli yang akan melepaskan jawatan Menteri Besar setelah bertukar ke kerusi Parlimen, berkata tidak ada perpecahan yang berlaku di kalangan orang Melayu yang menyebabkan pembangkang terutamanya PAS kembali bertapak di Perak.

"Sebenarnya BN Perak masih dapat mengekalkan majoriti lebih dua pertiga bagi kerusi DUN. Jika dibandingkan dengan pilihan raya 1995, memang ada sedikit kemerosotan tetapi ia tidak signifikan," katanya.

Ketika ditanya mengenai jawatan beliau di peringkat pusat selepas ini, Ramli berkata beliau belum dimaklumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai perkara itu dan bersedia menerima sebarang jawatan yang diberikan.

"Selama ini pun saya tidak pernah membantah arahan yang diberikan termasuk ketika dipilih menjadi anggota Exco dan Menteri Besar Perak dahulu," kata Ramli yang memegang jawatan Menteri Besar mulai bulan Oktober 1982 sebelum dilantik secara rasmi pada 1 Mac 1983.

Ramli juga berkata beliau meninggalkan Perak dengan rasa puas hati kerana berjaya memajukan Perak daripada segi infrastruktur, pendidikan, kebudayaan dan pertanian walaupun ketika beliau mula memegang jawatan Menteri Besar negeri ini sedang mengalami kegawatan akibat kejatuhan industri timah.

"Yang paling membanggakan ialah apabila kita berjaya mengurangkan tahap kemiskinan mutlak kepada kosong sejak tahun 1996," katanya.

-- BERNAMA

HJ NMO